

## **PROSPER - Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan**

- Salah satu aspirasi kerajaan menerusi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah untuk memastikan masyarakat Bumiputera terus menerus terlibat secara langsung dan aktif dalam arus pembangunan ekonomi negara. YAB Perdana Menteri telah meluluskan satu skim yang dikenali sebagai Projek Usahawan Bumiputera dalam Bidang Peruncitan (PROSPER). Fungsi PROSPER ialah menggabung dan menyelaraskan pelbagai aspek perniagaan bagi meningkatkan penyertaan dan penglibatan Bumiputera dalam perniagaan runcit.
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) selaku sekretariat PROSPER, bekerjasama dengan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) TPPT Sdn Bhd dan institusi kewangan dalam menawarkan pakej bersepadu ini.

### **Objektif**

- Menambahkan jumlah dan meningkatkan kualiti usahawan Bumiputera dalam sektor peruncitan; dan
- Memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Bumiputera dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman

### **Ciri-ciri pakej bersepadu**

- PROSPER menawarkan pakej bersepadu meliputi pembiayaan modal ekuiti, kemudahan pinjaman, khidmat nasihat, dan mengenalpasti pembelian premis perniagaan yang strategik. PROSPER juga menyediakan sokongan korporat kepada usahawan peruncit seperti pengurusan perakaunan, aliran tunai, latihan keusahawanan dan pemantauan perniagaan.

### **Pembiayaan modal**

- PUNB membantu dalam menyediakan modal menerusi penyertaan ekuiti berlandaskan konsep pembiayaan Islam, Musyarakah Mutanaqisah (perkongsian ke arah pengurangan pemilikan). Buat masa ini, skop PROSPER terhad kepada pembangunan perniagaan peruncitan yang tidak melebihi RM 1 juta.

### **Kemudahan pinjaman**

- CGC menyediakan jaminan sehingga 100% ke atas pinjaman untuk memudahkan peniaga runcit PROSPER mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan.

## **PROSPER - Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan**

### **Kemahiran keusahawanan**

- PUNB mengadakan kursus-kursus berkaitan dengan kemahiran keusahawanan termasuk kursus-kursus kesedaran, motivasi keusahawanan, pembangunan pengurusan dan kemahiran memantau operasi. Ini untuk memastikan usahawan yang layak dapat mememanfaatkannya.

### **Sistem perakaunan dan pengurusan aliran tunai**

- PUNB menyediakan perkhidmatan pengurusan perakaunan dan aliran tunai melalui panel-panel akauntan Bumiputera yang berkeelayakan. Perkhidmatan ini bersifat sementara sehingga syarikat usahawan berkemampuan untuk melaksanakan sendiri.

### **Syarat Kelayakan**

- Skim ini terbuka kepada Bumiputera yang cenderung untuk melibatkan diri dalam bidang peruncitan.

### **Peserta/Usahawan**

Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun

- Mempunyai ciri-ciri keusahawanan antaranya keyakinan diri, berdaya tahan, berani mengambil risiko, berfikiran positif, kreatif dan disiplin yang tinggi.
- Sanggup mengikuti kursus-kursus yang dikenalpasti
- Tiada rekod yang kurang memuaskan dengan institusi kewangan
- Sanggup bekerja sepenuh masa
- Membiayai sekurang-kurangnya 10% daripada kos projek.

### **Perniagaan**

- Syarikat 100% milik Bumiputera
- Perniagaan yang berdaya maju
- Syarikat tidak mempunyai bantuan kewangan dari institusi kewangan yang mengambil cagaran ke atas sebahagian aset syarikat
- Sudah mengenal pasti lokasi perniagaan

## **PROSPER - Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan**

### **Bidang Perniagaan**

PROSPER memberi peluang-peluang perniagaan runcit dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kedai runcit/pasar mini/barangan elektrik
- Kedai cermin mata/jam
- Kedai dobi
- Penjualan makanan (termasuk bakeri)
- Kedai peralatan computer/ telekomunikasi & IT
- Kedai buku/ alat tulis
- Kedai tekstil & pakaian/ barang kemas/ aksesori wanita
- Farmasi
- Peralatan sukan & rekreasi
- Pusat perabot / perhiasan rumah
- Pembekal bahan & perkhidmatan binaan
- Pengusaha stesen minyak
- Pengedar/bengkel baik pulih kenderaan
- Lain-lain perniagaan yang sesuai